

PANDUAN MURAJAAH AL-QURAN

- ❑ Sebaik sahaja selesai tasmik dengan guru, ulang lagi bacaan tanpa melihat mushaf 10-20 kali secara bersendirian bagi menjaga kesinambungan hafazan kerana ingatan ketika tasmik merupakan ingatan jangka pendek dan mudah lupa sekiranya tidak disusuli dengan ulangan pemantapan tersebut.
- ❑ Mengulangi setiap hari ayat-ayat yang baru di hafaz sehingga benar-benar terpahat kemas di hati.
- ❑ Menetapkan jadual waktu menghafaz, waktu mengulang hafazan baru, dan hafazan lama.



PANDUAN MURAJAAH AL-QURAN

- ❑ Sekiranya hafazan telah banyak boleh dibahagikan mengikut kesesuaian masa seperti:
 - Awal pagi/sebelum subuh hafaz baru
 - setiap lepas solat - hafazan yang dah lancar 1-2 maqra'
 - selepas solat magrib - 4 maqra'/sejuzuk.
- ❑ Boleh juga dibahagikan kepada tahap ingatan..seperti lancar (cth juz 1) kurang lancar (Juz 2) perlu hafaz semula (Juz 3) dan memberikan peruntukan masa yang sesuai dengan tahap ingatan dan kelapangan waktu.
- ❑ Biasakan mengulang tanpa mushaf dan mengulang ketika terdapat ruang masa seperti ketika berjalan, menunggu sesuatu, dalam kenderaan dan sebagainya.

DR. NOR HAFIZI YUSOF

PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH UNISZA



PANDUAN MURAJAAH AL-QURAN

- ❑ Mesti meletakkan target kadar ulangan sehari umpamanya 1/2 juzuk atau 1 juzuk dan mengatur masa dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.
- ❑ Sekali-sekala boleh juga melakukan ulangan melalui pemerhatian di mushaf dan membaca dalam hati dengan cepat. (bagi hafiz/pelajar yg sibuk)
- ❑ Mengamalkan bacaan ketika mengimami solat atau dalam solat sunat rawatib/tahajjud



PANDUAN MURAJAAH AL-QURAN

- ☐ Melakukan aktiviti permainan tebuk menebuk /tasmik dengan rakan bagi memantapkan lagi hafazan dan meningkatkan lagi motivasi.
- ☐ Mengulang melalui pendengaran samada melalui hp, komputer, mp3/mp4 dan sebagainya.
- ☐ Motivasi boleh ditingkatkan dengan memerhati tokoh-tokoh yang mantap dalam hafazan al-Quran serta menonton clip video bacaan hafazan yang menarik
- ☐ Berdoa



KAEDAH MURAJAAH FAMMI BISYAUQIN

Manzil	Huruf	Surah	Jum Surah	Jumlah Juz	JumlaA yat
1	ف	Al-Fatihah - An-Nisa'	4	5 Juz 4 halaman	669
2	م	Al-Ma`idah - Al-Taubah	5	5 Juz 2 halaman	695
3	ي	Yunus s.d. An-Nahl	7	3 Juz 14 halaman	665
4	ب	Bani Isra'ill - Al-Furqan	9	4 Juz 5 halaman	903
5	ش	Asy-Syu'ara' - Yasin	11	3 Juz 19 halaman	856
6	و	As-Saffat - Al-Hujurat	13	3 Juz 12 halaman	842
7	ق	Qaf - An-Nas	65	4 Juz 4 halaman	1606



PESANAN BUAT PELAJAR2

- ❑ Maksudnya: Dibentangkan kepadaku dosa-dosa umatku dan tidak aku lihat dosa yang lebih besar dari dosa seorang lelaki yang diberikan satu surah atau satu ayat dari al-Quran kemudian dia melupakannya. (Tirmizi (2916) dan Sunan Abi Daud)
- ❑ Ulama salaf- al-Dhahhak dan Abu al-‘Aliyah Syeikh Zakariyya al-Ansari,
- ❑ ulama mazhab syafei- Imam Khatib Syarbini, Imam Ibn Hajar al-Haitami, al-Ruyani dan al-Qurthubi

